

Qalb al Dayn Dalam Kewangan Islam: Analisis Syariah dari Segi Perspektif Pelanggan Musir dan Mu[‘]sir¹

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Prof Madya Dr Azman Mohd Noor

Nurulhuda Bte Asor

Institute of Islamic Banking and Finance, University Islam Antarabangsa

Drazman.net

Abstrak

Qalb al-dayn adalah salah satu isu fiqh semasa yang dianggap sebagai kontroversi di dalam perbankan Islam-kerana ia digunakan sebagai instrumen untuk memberikan penangguhan bayaran yang melibatkan pertambahan tempoh dan juga jumlah bayaran khasnya bagi kes penstrukturan semula. Di antara isu Syariah yang berkaitan adalah “time value of money” dan penyerupaan amalan perbankan -konvensional. Kertas kerja ini bertujuan mengkaji bentuk qalb al-dayn yang dilarang dan keharusan pemberian kemudahan penstrukturan semula melalui qalb al-dayn kepada kedudukan pelanggan musir dan mu[‘]sir dan kaitannya dengan keharusan pemberian kemudahan penstrukturan semula melalui qalb al-dayn.

Pengenalan

Para fuqaha berusaha untuk menghalang riba dan apa-apa bentuk helah atau transaksi yang berkaitan dengan riba. Mereka juga berijtihad mencari alternatif kepada riba yang haram. *Qalb al-dayn* adalah salah satu bentuk transaksi yang kontroversi kerana ia boleh dikaitkan dengan riba iaitu penangguhan tempoh bayaran hutang yang ditimbang dengan penambahan jumlah hutang.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Definisi

Qalb al-dayn dari sudut bahasa yang mudah ialah *debt roll over*, “golek” atau “balik” hutang. Hutang yang sudah ada ditukar kepada hutang yang baru untuk tempoh yang lebih panjang dan jumlah hutang yang bertambah dalam penstrukturan semula pembiayaan. Ia juga dikenali sebagai *faskh al-dayn fi al-dayn* iaitu membatalkan hutang lama dengan

¹ Kertas ini dibentang di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara pada 1 Jun 2016 bertempat di Sama-sama Hotel, KLIA, Malaysia.

mewujudkan hutang baru. Terdapat beberapa bentuk dan cara pelaksanaan *qalb al-dayn*, ada yang dibenarkan dan ada yang dilarang.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Kajian, ini hanya memfokuskan *qalb al-dayn* yang dilarang sebagaimana yang ditakrifkan oleh Qarar al-Majma' al-Fiqhi, Rabitah:

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

"يعد من فسخ الدين في الدين الممنوع شرعاً كل ما يفضي إلى زيادة الدين على المدين مقابل الزيادة في الأجل أو يكون ذريعة إليه"

“Memfasakhkan (membatalkan) hutang dengan hutang (*qalb al-dayn*) yang ditegah oleh syarak adalah apa-apa transaksi yang dilakukan bagi tujuan penambahan hutang ke atas penghutang sebagai timbal balas kepada penangguhan tempoh bayaran atau sebagai wasilah kepadanya”².

Apakah ‘illah kepada larangan *qalb al-dayn*?

Formatted: Font: Not Italic, Complex Script Font: Not Italic

Perbincangan kajian ini lebih menumpukan kepada bentuk *qalb al-dayn* yang dilarang iaitu transaksi yang dilakukan bertujuan untuk menambahkan jumlah hutang kerana penangguhan bayaran kepada tempoh baharu.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Pertama: ‘Illah larangan kepada *qalb al-dayn* sekiranya ditambahkan jumlah hutang kerana penangguhan tempoh bayaran adalah riba yang jelas. Ini adalah keputusan Majma' al-Fiqhi berkenaan *faskh al-dayn (qalb al-dayn)*

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

من صور بيع الدين غير الجائزة ببيع الدين للمدين بئمن مؤجل أكثر من مقدار الدين ؛ لأنه صورة من صور الربا، وهو ممنوع شرعاً، وهو ما يطلق عليه جدولة الدين³

Maksud: “Di antara bentuk menjual hutang yang dilarang ialah menjual hutang (yang perlu di bayar) kepada penghutang dengan hutang baru dengan harga tangguh bayaran yang lebih mahal daripada jumlah hutang (asal); kerana ia adalah salah satu bentuk riba. Ia adalah dilarang oleh Syarak, dan ia adalah apa yang dipanggil penstrukturan hutang.”

Kedua: Adapun *qalb al-dayn* dengan cara melakukan sesuatu transaksi jual beli barangan yang hanya bertujuan untuk menambah jumlah hutang bersama tempoh bayaran. ‘Illah larangan *qalb al-dayn* bertujuan menambahkan tempoh bayaran dan tempoh hutang dengan cara ini ialah kerana ia adalah *zari'ah* iaitu wasilah kepada riba.⁴

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Wasilah kepada riba boleh dibahagikan kepada wasilah secara umum iaitu mana-mana dan apa-apa transaksi yang dilakukan tidak ada tujuan selain daripada helah kepada riba (penambahan hutang dan tempoh pinjaman) ataupun wasilah dengan melibatkan larangan lain.

² Qarar al-Majma' al-Fiqhi Rabitah , persidangan ke 18, 10-14/03/1427 H, bersamaan 8-12/4/2006.

³ Qarar al-Majma' al-Fiqhi Rabitah , persidangan ke 18, 10-14/03/1427 H, bersamaan 8-12/4/2006.

⁴ Al-Bahuti, Mansur bin Yunus, *Kasyshaf al-Qina 'an Mm'atan al-liqna'*, Dar al-Fikr 1982. Jil 3, mshlm. 186.

Wasilah kepada riba secara umum merujuk kepada apa-apa bentuk transaksi yang pada zahirnya tidak ada masalah, tetapi dari segi matlamat dan tujuan, ia hanyalah helah kepada riba.

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah ditanya berkenaan kes seorang lelaki yang melakukan transaksi jual beli secara tangguh bayaran, kemudian berlaku kelewatan bayaran. Penghutang meminta bayaran, tetapi penghutang berada dalam dalam kesempitan wang (*mu'sir*). Lalu penghutang membeli satu barang dari sebuah kedai kemudian dijualnya kepada penghutang dengan harga tambahan 100 dirham di atas kesabarannya menunggu. Adakah transaksi sebegini harus? Beliau menjawab. Transaksi sebegini tidak harus. Bahkan sekiranya penghutang *mu'sir*, maka si pemiutang wajib menunggu. Adapun transaksi yang dibuat untuk menambahkan hutang dan tempoh bayaran, maka ia adalah riba, walaupun dimasukkan pihak ketiga. Pemiutang tidak boleh meminta selain daripada jumlah pokok hutangnya..”

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Left-to-right

سئل عن رجل له معاملة، فتأخر له معه دراهم فطالبه وهو معسر، فاشتري له بضاعة من صاحب دكان، وباعها له بزيادة مائة درهم حتى صبر عليه، فهل تصح هذه المعاملة؟ فأجاب: لا تجوز هذه المعاملة، بل إن كان الغريم معسرا فله أن ينتظره. وأما المعاملة التي يزداد فيها الدين والأجل فهي ربوية، وإن أدخل بينهما صاحب الحانوت، والواجب أن صاحب الدين لا يطالب إلا برأس ماله، لا يطالب بالزيادة التي قبضها.⁵

~~Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah ditanya berkenaan kes seorang lelaki yang melakukan transaksi jual beli secara tangguh bayaran, kemudian berlaku kelewatan bayaran. Penghutang meminta bayaran, tetapi penghutang berada dalam dalam kesempitan wang (*mu'sir*). Lalu penghutang membeli satu barang dari sebuah kedai kemudian dijualnya kepada penghutang dengan harga tambahan 100 dirham di atas kesabarannya menunggu. Adakah transaksi sebegini harus? Beliau menjawab. Transaksi sebegini tidak harus. Bahkan sekiranya penghutang *mu'sir*, maka si pemiutang wajib menunggu. Adapun transaksi yang dibuat untuk menambahkan hutang dan tempoh bayaran, maka ia adalah riba, walaupun dimasukkan pihak ketiga. Pemiutang tidak boleh meminta selain daripada jumlah pokok hutangnya..”~~

Wasilah yang dikaitkan dengan larangan lain yang berkaitan ~~dengan~~ yang juga wasilah kepada riba:

i. Bay' al-'inah

Dalam proses transaksi penjualan sesuatu barangan kepada penghutang bagi tujuan *galb al-dayn*, ada kemungkinan ia dilakukan secara bay' al-'inah. Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah ditanya berkenaan seorang lelaki yang membeli sutera secara bay' al-'inah bernilai 100 dirham, setelah sampai tempoh serahan, si penghutang tidak berjaya menyerahkan sutera yang ditempah. Lalu penghutang berkata: “Beli lah daripada saya sutera ini secara tangguh bayaran-dan dia mengeluarkan sutera- dengan harga 150 dirham, dan bayarlah harga sutera

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

⁵ Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah, *Majmu al-Fatawa*, vol 29/419419.

ini dengan hutang kamu 100 dirham yang terdahulu.” Menurut Ibn Taimiyyah ini adalah riba yang haram.

فصل في رجل أسلف مائة درهم على حرير فلما حل الأجل لم يكن عنده بما يرضيه فقال رب الدين اشتر مني هذا الحرير إلى أجل وأحضر حريرا بمائة وخمسين ثم قال أوفى هذا الحرير عن السلف الذي عندك فهو ربا حرام وهذا المرئي لا يستحق ما في ذمم الناس إلا ما أعطاهم⁶

ii. Bay' wa Salaf

Menurut Sheikh Hussain Hamid, ‘illah *zari'ah*/ *wasilah* kepada riba pada *qalb al-dayn* adalah hampir sama dengan larangan mensyaratkan jual beli dan pinjaman *—(salaf-wa-bay' wa salaf)—*⁷. Beliau berpendapat isu *bay' wa salaf* berlaku pada pelaksanaan transaksi jual beli barangan bagi tujuan *qalb al-dayn*, terdapat pensyaratan penggunaan pembiayaan baru untuk melangsaikan hutang lama.

"الذي يظهر من البحوث في قلب الدين وقرارات المجامع الفقهية أن قلب الدين هو المشروط فيه ذلك في العقد الذي أنشأ الدين أو بعده أو في المعاملة الجديدة التي سدد بها دينه".

"وتجمعها علة عامة واحدة وهي أن كلاً من الجمع بين البيع والسلف وقلب الدين ذريعة إلى الربا."

Syeikh Abdullah bin Sulaiman al-Mani⁸ berpandangan bahawa di samping ‘illah *wasilah* kepada riba, ‘illah lain kepada larangan *qalb al-dayn* ialah kerana ia dilakukan secara paksa (*ikrah*) dan terdesak (*idtirar*) kepada penghutang yang *mu'sir* atau yang dikira *mu'sir* seperti orang yang ditahan hartanya atau dikenakan tidakan undang-undang ke atas hartanya.⁸

‘Illah paksaan *melakuka transaksi jual beli* ini juga disebut oleh Ibn Taimiyyah:

قال الشيخ ويحرم على صاحب الدين أن يمتنع من إنظار المعسر ، حتى يقلب عليه الدين ومتى قال رب الدين إما أن تقلب الدين وإما أن تقوم معي إلى عند الحاكم ، وخاف أن يحبس الحاكم لعدم ثبوت إيساره عنده وهو معسر فقلب على الوجه كانت هذه المعاملة حراما غير لازمة باتفاق المسلمين فإن الغريم مكره عليها بغير حق ومن نسب جواز القلب على المعسر بحيلة من الحيل إلى مذهب بعض الأئمة فقد أخطأ في ذلك وغلط وإنما تنازع الناس في المعاملات الاختيارية مثل التورق والعينة .

⁶ Syekh al-Islam Ibn Taimiyyah, *Mukhtasar al-Fatawa al-Misriyyah*, 1/309. <http://islampost.com/w/tym/Web/2299/309.htm>.

⁷ Syekh Hussein Hamid Hasan, *Qalb al-Dayn*, Multaqa Ulama al-Syariah al-Dauli, Hotel Sama Sama, Sepang, 30-31 Oktober 2015. ms

⁸ Syekh Abdullah bin Sulaiman Al-Mani⁸, *Hukm Qalb al-Dayn 'Aala al-Muwadin*, 4th Fiqh Conference for Islamic Financial Institutions, Kuwait, Crown Plaza Hotel, 21-22 Disember 2011, ms 227. Beliau membawa pandangan ulama Najd seperti Syekh Abdul Rahman bin Hasan, Shekih Abdullah Abatin dll yang lebih cenderung kepada keharusan *qalb al-dayn* bagi penghutang yang berada yang mampu membayar, tetapi di atas kemashlahatan tertentu, perlu kepada *qalb al-dayn*.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Syeikh al-Islam berkata: “Haram ke atas pemiutang menolak penangguhan hutang penghutang yang *mu'sir* dan mengenakan *qalb al-dayn*. Apabila si pemiutang berkata kepada penghutang; “samada anda lakukan buat *qalb al-dayn* atau kita pergi jumpa hakim” dan penghutang takut ditahan oleh hakim (mahkamah) kerana mungkin tidak dibuktikan kesempitannya —(*i'sar*), sedangkan dia adalah *mu'sir*. Maka berlakulah *qalb al-dayn*. Transaksi ini adalah haram dan tidak mengikat (lazim)– secara sepakat oleh semua orang Islam kerana penghutang dipaksa melakukannya dengan cara tidak benar. Sesiapa yang menisbahkan keharusan transaksi *qalb al-dayn* kepada sebahagian daripada mazhab-mazhab para imam, telah melakukan kesalahan –dan kesilapan. Perkara yang menjadi khilaf terhad kepada transaksi yang ada pilihan padanya seperti *tawarruq* dan *al-'inah*.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Qalb al-Dayn Dari Perspektif Musir dan Mu'sir

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

1. Penghutang *Mu'sir*

Sekiranya penghutang *mu'sir*, maka tidak dibolehkan *qalb al-dayn* secara ijma.

Syeikh al-Islam menukulkan ijma ke atas larangan *qalb al-dayn* bagi penghutang yang *mu'sir*.

قال ابن تيمية: وهذه المعاملات، منها ما هو حرام باجماع المسلمين مثل التي يقلب فيها الدين على المعسر، فإن المعسر يجب إنظاره، ولا تجوز الزيادة عليه بمعاملة ولا غيرها باجماع المسلمين.⁹

Formatted: Right, Right-to-left

-Maksud: Transaksi sebegini ada di antaranya haram secara ijma Muslimin seperti yang ada padanya *qalb al-dayn* ke atas penghutang yang *mu'sir*. Sesungguhnya penghutang *mu'sir* wajib diberikan tempoh penangguhan bayaran, dan tidak harus ditambahkan (jumlah hutang) dengan sesuatu transaksi atau cara lain secara ijma Muslimin.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

"إذا حل الدين عليه وكان معسرا فإنه يجب إنظاره ولا يجوز إلزامه بالقلب عليه باتفاق المسلمين . ويكفل حال فهذه المعاملة وأمثالها من المعاملات التي يقصد بها بيع الدراهم بأكثر منها إلى أجل هي معاملة فاسدة ربوية."¹⁰

Maksud: “-Apabila sampai tempoh matang hutang ke atas penghutang, sedangkan dia *mu'sir* maka wajib ditangguhkan (diberi tempoh) dan tidak harus mewajibkannya melakukan *qalb al-dayn* secara sepakat di kalangan Muslim. Dalam apa keadaan sekalipun, transaksi sebegini dan sepertinya adalah dianggap sebagai transaksi yang bertujuan menjual wang (dirham) dengan jumlah yang lebih secara tangguh, ia adalah transaksi riba yang fasid”.

2. Penghutang *Musir*

Formatted: Font: Not Italic, Complex Script Font: Not Italic

Formatted: List Paragraph, Numbered + Level: 1 + Numbering Style: 1, 2, 3, ... + Start at: 1 + Alignment: Left + Aligned at: 0.63 cm + Indent at: 1.27 cm

Formatted: Font: (Default) +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Bold, Italic, Complex Script Font: +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Bold, Italic

⁹ Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah, *Al-Hisbah*, ms-hlm. 21, —*Majmu' al-Fatawa*, jil. 28, hlm. 73.

¹⁰ Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah, *Majmu' al-Fatawa*, jil. 29, ms-hlm. 438.

Sekiranya penghutang berada dalam keadaan *musir* dan tidak ada masalah kewangan, adakah diharuskan bagi pemiutang dan penghutang untuk melakukan *qalb al-dayn* dengan pilihan sendiri tanpa paksaan? Ada perbezaan pendapat di kalangan ulama dalam masalah ini seperti berikut.

Pendapat pertama: Tidak dibenarkan Qalb al-Dayn Walaupun Penghutang Musir.

Ini adalah pilihan dan tarjih Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah.

"وأما إذا كان هذا هو المقصود ولكن توسلوا بمعاملة أخرى ؛ فهذا تنازع فيه المتأخرون من المسلمين وأما الصحابة فلم يكن بينهم نزاع أن هذا محرم وإنما الأعمال بالنيات والآثار عنهم بذلك كثيرة مشهورة."¹¹

Maksud: "Sekiranya (penangguhan bayaran hutang bertimbal balas pertambahan jumlah hutang) adalah tujuan, tetapi dilakukan transaksi (jual beli), maka ulama mutakhir di kalangan Muslimin ada perbezaan pendapat. Adapun para Sahabat r.a. RA maka tidak ada khilaf di kalangan mereka bahawa ia adalah haram kerana setiap perbuatan ditentukan oleh niat."²

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah berpendapat, sekiranya penghutang musir iaitu berkemampuan untuk membayar, maka tidak perlu kepada qalb al-dayn samada dalam kesenangannya atau kesusahannya.

"والله تعالى حرم الربا لما فيه من ضرر المحتاجين وأكل المال بالباطل وهو موجود في المعاملات الربوية . وأما إذا حل الدين وكان الغريم معسرا ؛ لم يجز بإجماع المسلمين أن يقلب بالقلب لا بمعاملة ولا غيرها ؛ بل يجب إنظاره وإن كان موسرا كان عليه الوفاء فلا حاجة إلى القلب لا مع يساره ولا مع إعساره."¹²

Syeikh al-Islam berpendapat, sekiranya penghutang musir iaitu berkemampuan untuk membayar, maka tidak perlu kepada qalb al-dayn samada dalam kesenangannya atau kesusahannya.

Larangan ini selari dengan keputusan Majmak al-Fiqh OIC dan Majma Fiqh Rabitah, kedua-duanya melarang *qalb al-dayn* kepada musir atau *mu'sir*.

"Di antara bentuk *qalb al-dayn* yang dilarang ialah dengan cara transaksi jual beli sesuatu barangan di antara pemiutang dan penghutang untuk mewujudkan hutang baru kepada penghutang bagi tujuan melunaskan hutang yang pertama secara keseluruhannya atau separuh

¹¹ Ibn Taimiyyah, *Majmu' Fatawa*, jil. 29, hlm. 419.

¹² Ibn Taimiyyah, *ibid*, jil. 29, hlm. 419.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Bold, Complex Script Font: Bold

Formatted: Font: Bold, Complex Script Font: Bold

Formatted: Font: Bold, Complex Script Font: Bold

Formatted: Font: Bold, Complex Script Font: Bold

Formatted: Font: Bold, Complex Script Font: Bold

Formatted: Font: Bold, Complex Script Font: Bold

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Bold, Italic, Complex Script Font: Bold, Italic

Formatted: Font: Bold, Complex Script Font: Bold

Formatted: Font: Bold, Complex Script Font: Bold

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: (Default) Times New Roman, 8 pt, Italic, Complex Script Font: 10 pt, Italic

daripadanya, samada penghutang dalam keadaan *musir* (senang) atau *mu'sir* (susah). Contohnya penghutang membeli sesuatu barang dari pemiutang dengan harga tangguh kemudian menjualnya dengan harga semasa untuk melunaskan hutang yang pertama secara keseluruhan atau sebahagiannya.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Ini tidak dibenarkan selagi mana disyaratkan pemberian hutang baru untuk melunaskan hutang lama samada melalui persetujuan awal, secara uruf atau terancang samada penghutang itu dalam keadaan senang atau susah, samada hutang yang pertama sudah matang atau belum sampai tempohnya, dengan tujuan membuat bayaran awal dengan menggunakan hutang baru, samada disepakati daripada awal ataupun ketika waktu penstrukturan semula, samada ia adalah permintaan daripada pemiutang atau penghutang. Termasuk di dalam larangan sekiranya hutang diambil daripada pihak ketiga sekiranya pemiutang turut merancang berbuat demikian atau pemiutang memberi jaminan kepada penghutang untuk menjelaskan hutangnya.”

Pendapat ini dipegang oleh sesetengah Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah bank-bank Islam seperti bank al-Rajhi (Malaysia), tetapi mereka tidak membenarkan *qalb meenganggap qalb al-dayn* sekiranya pembiayaan baru untuk melangsaikan hutang lama di ambil dari pihak ketiga.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Pandangan Kedua: Dbolehkan *Qalb al-dayn* Tetapi Dengan Syarat-Syarat Tertentu

Ada beberapa pandangan ulama kontemporari berkenaan dengan keharusan *qalb al-dayn* kepada penghutang yang *musir* seperti berikut.

1. Seorang penghutang dibolehkan untuk memperoleh wang tunai dengan cara tawarruq, bay' al-salam, *istisna'* atau aqad lain yang dibolehkan walaupun sengaja menggunakannya untuk melunaskan hutang yang pertama, dengan syarat - Beliau berpendapat bahawa praktis *qalb al-dayn* dibolehkan selagi keuntungan atau tambahan wang dari hutang yang kedua yang melebihi hutang pertama tidak di berikan kembalikan atau dinikmati oleh pemiutang (bank). Ini adalah untuk mengelakkan persepsi yang buruk (tohmahan) mempraktis riba al-nasi'ah dengan cara penanguhan tempoh bayaran dan pertambahan jumlah hutang (أنظرني أزدك) - Ini adalah pandangan Syeikh Nazih Hamad.¹³

Formatted: Font: (Default) +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Complex Script Font: +Headings CS (Times New Roman), 12 pt

Formatted: List Paragraph, Left, Numbered + Level: 1 + Numbering Style: 1, 2, 3, ... + Start at: 1 + Alignment: Left + Aligned at: 0.63 cm + Indent at: 1.27 cm

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: (Default) +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Complex Script Font: +Headings CS (Times New Roman), 12 pt

Formatted: Font: (Default) +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Complex Script Font: +Headings CS (Times New Roman), 12 pt

Formatted: Font: (Default) +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Complex Script Font: +Headings CS (Times New Roman), 12 pt

Formatted: Font: (Default) +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Complex Script Font: +Headings CS (Times New Roman), 12 pt

¹³ Syeikh Dr. Nazih Hamad, *Qalb al-Dayn Suwaruhu Wa Ahkamuhu Wa Bada'iluhu al-Syar'iyyah*, 4th Fiqh Conference for Islamic Financial Institutions, Hotel Crown Plaza, Kuwait, 21-22 Disember 2011.

Menurut pandangan ini, keuntungan daripada transaksi kedua (*qalb al-dayn*) sekiranya melebihi hutang yang pertama tidak boleh diiktiraf sebagai pendapatan kepada bank,

Formatted: Left, Indent: Before: 0.63 cm

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: (Default) +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Complex Script Font: +Headings CS (Times New Roman), 12 pt

Formatted: Font: (Default) +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Complex Script Font: +Headings CS (Times New Roman), 12 pt

2. Dilakukan transaksi *qalb al-dayn*, tetapi jumlah hutang tidak bertambah. Ini adalah di antara bentuk *qalb al-dayn* yang dibenarkan sebagaimana yang diputuskan di dalam resolusi Multaqa Ulama Syariah al-Dauli anjuran Bank Rakyat.¹⁴

3. Memberikan pembiayaan baru melalui tawarruq, dengan syarat penghutang yang *musir* diberi pilihan samada ingin menggunakan duit pembiayaan itu untuk membayar hutang lama atau pun tidak tanpa sebarang paksaan, desakan atau suruhan. Ini adalah pandangan sebahagian ulama kontempori seperti Syeikh Yusuf al-Syubaily.¹⁵

4. *Qalb al-dayn* dibolehkan terbatas hanya untuk orang yang boleh membayar hutang seperti individu yang mempunyai kesenangan dan boleh membayar hutang, tetapi memilih *qalb al-dayn* kerana masalah tertentu bukan untuk membayar hutang pertama. Ini adalah pandangan Syeikh Abdullah bin Mani.¹⁶

5. Dibolehkan untuk mempraktikkan *qalb al-dayn* tertakluk kepada 3 syarat yang ditetapkan di bawah:

- i- Tiada kaitan dengan hutang pertama dan yang kedua dan matlamat *qalb al-dayn* tidak semestinya digunakan untuk melunaskan hutang yang pertama.
- ii- *Qalb al-dayn* hanya dibenarkan untuk dipraktikkan sekiranya kekurangan pencairan harta dan tidak boleh kerana penghutang yang *mu_hsi_r*.
- iii- Profit dari hutang kedua tidak boleh lebih dari profit hutang yang pertama. Ini adalah untuk mengelak bahagian yang dikenali sebagai jumlah tambahan akibat dari lewat pembayaran hutang pertama

Ini adalah pandangan Syeikh Abdul Sattar Abu Ghuddah.¹⁷

¹⁴ Multaqa Ulama al-Syariah, Anjuran Bank Rakyat, 30-31 Oktober 2016, Hotel Sama-Sama, Sepang. Ini di antara bentuk *qalb al-dayn* yang dibenarkan tanpa khilaf di kalangan peserta. Begitu juga *qalb al-dayn* yang dibuat kerana mengelakkan risiko pertukaran kos dana pembiayaan.

¹⁵ Pandangan Syeikh Yusuf al-Syubaily, ditemuramah oleh penulis di Hotel Dar al-Iman Intercontinental, Madinah al-Munawwarah, 4 Mei 2016.

¹⁶ Syeikh Abdullah bin al-Mani_h, *Hukm Qalb al-Dayn 'Aala al-Dayn*, 4th Fiqh Conference for Islamic Financial Institutions, Hotel Crown Plaza, Kuwait, 21-22 Disember 2011, *mslm*, 227.

¹⁷ Dr Abdul Bari Misy_hal, *Qadaya Jadaliyyah Ffi al-Tamwil al-Islami*, Kertas kerja dibentangkan di Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa, pada 22052014.

Pandangan ketiga

Dibolehkan *qalb al-dayn* hanya kepada *musir* sahaja tanpa sebarang parameter. Ini adalah keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia SAC-BNM.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Ini juga disebut di dalam Parameter Tawarruq¹⁸:

G 14.6 The contracting parties may mutually agree to enter into a new contract that may result in a new debt obligation, whereby the proceeds of the new contract is to be used to settle the outstanding debt obligation arising from the sale and purchase contract under the earlier tawarruq. S 14.7 Pursuant to paragraph 14.6, such arrangement shall be made only in relation to a solvent debtor.

Keputusan ini kelihatan seperti terbuka dan longgar. Tetapi, sebenarnya masih tertakluk kepada keadaan penghutang samada *musir* atau *mu'sir*. Ini menunjukkan bahawa *qalb al-dayn* tidak boleh dilakukan kepada penghutang yang *mu'sir*. Pengamal perbankan Islam masih perlu menentukan parameter pelanggan yang *musir* dan *mu'sir*.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Penentuan Pelanggan *Musir* atau *Mu'sir*

Penentuan samada pelanggan atau penghutang *musir* atau *mu'sir* adalah penting. Oleh kerana *musir* adalah berlawanan dengan *mu'sir*, perbincangan lebih lanjut adalah pada aspek *mu'sir*. Sekiranya terbukti pelanggan *mu'sir*, tetapi bank masih melakukan penstrukturan semula melalui *qalb al-dayn*, maka ia boleh dianggap sebagai kesalah tidak patuh Syariah (non Syariah compliance). Oleh kerana *musir* adalah berlawanan dengan *mu'sir*, perbincangan lebih lanjut adalah pada aspek *mu'sir*.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Not Italic, Complex Script Font: Not Italic

Formatted: Font: Not Italic, Complex Script Font: Not Italic

Formatted: Font: Not Italic, Complex Script Font: Not Italic

Maksud *I'sar* Kesempitan Kewangan dari Segi Bahasa, Fiqh Islam dan Undang-undang:

Kesempitan (الإعسار) dari segi Bahasa: Kata terbitan daripada menjadi susah (أعسر), iaitu menjadi sempit (أضاق) dan hal yang memerlukan sesuatu (افتقر), dan susah (العسر) berlawanan dengan senang (اليسر) iaitu kesempitan (الضييق), kesukaran (الشدّة) dan kesusahan (الصعوبة). Perkataan 'العسرة' dan 'الإعسار' adalah kata nama bermaksud 'قلة ذات اليد' iaitu kesempitan kewangan.¹⁹

I'sar/Mu'sir Menurut Fuqaha':

¹⁸ Parameter Tawarruq BNM, Dikeluarkan 17 November 2015.

¹⁹ Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, jil. 4 hlm. #563, *Al-Misbah al-Munir*, hlm. 155, *Al-Matla' ala Alfadz al-Muqni'*, hlm. 255.

Formatted: Font: (Default) Times New Roman, 8 pt, Italic, Complex Script Font: 10 pt, Italic

Formatted: Font: (Default) Times New Roman, 8 pt, Italic, Complex Script Font: 10 pt, Italic

Para Fuqaha' telah membincangkan tajuk *i'sar* (kesempitan kewangan) dalam beberapa bab dalam kitab Fiqh seperti kesempitan kewangan dalam memberi nafkah atau mahar di dalam bab pernikahan dan kesempitan melunaskan hutang dalam bab muamalat.²⁰

Mu'sir (Orang yang kesempitan kewangan) menurut mazhab Hanafi: من عدم المال أصلاً
 “Orang yang tiada wang sama sekali”²¹.

Menurut mazhab Maliki: هو الذي ليس عنده ما يبيع
 “Beliau adalah orang yang tidak memiliki apa-apa untuk dijual”²².

Mazhab Shafie ada menyebutkan beberapa takrifan antaranya:

- Orang yang tidak memiliki apa-apa harta من لا يملك شيئاً من المال²³
- Yang tidak memiliki lebih dari apa yang diperlukan sehari semalam الذي لا يملك زيادة على كفاية يوم وليلة²⁴
- Orang yang tidak ada padanya baki (dari harta) sebagaimana yang ditinggalkan bagi orang yang muflis من ليس عنده فاضل عما يترك للمفلس²⁵

Menurut mazhab Hanbali:

من لا يقدر على شيء له ولا يقدر على شيء²⁶

“Orang yang tidak ada apa-apa baginya dan tidak mampu untuk sesuatu”.

Ada juga takrif lain menurut mazhab Hanbali iaitu: من لا يقدر على النفقة لا بماله ولا بكسبه²⁷.

“Orang yang tidak mampu untuk menyediakan nafkah dari hartanya dan juga pendapatannya”.

²⁰ *Ahkam al-I'sar* *Fi al-Fiqh al-Islami Muqaranan bi Anzimat al-Mamlakah al-Arabiah al-Saudiyyah*, Sheikh Ahmad bin Abdullah al-Ja'fari, Qadi Mahkamah Yadmah, Najran, Majallah al Adl, bil. 27, Rejab 1426 H, 110.

²¹ Ibn 'Abidin, *Rad al-Muhtar*, jil. 4, hlm. 318.

²² Al-Dasuki, *Hasyiah al-Dasuki*, jil. 4, hlm. 231.

²³ Al-Bakri, Abu Bakar, *I'nah al-Talibin*, jil.- 4, hlm. 63.

²⁴ Ibid, jil. 2, hlm. #114.

²⁵ Ibid.

²⁶ Al-Mardawi, *al-Insaf*, jil. 24, hlm. 299.

²⁷ Ibid.

Menurut Qarar al-Majma' al-Fiqhi, Maksud *i'ṣār* adalah satu keadaan (kewangan) yang berlaku kepada seseorang menjadikannya tidak mampu untuk menanggung nafkah yang diwajibkan ke atasnya dan untuk melangsaikan hutang-hutangnya. *Mu'ṣir* adalah seseorang yang mengalami masalah tersebut.²⁸

Takrif mazhab Hanafi, Maliki, Shafie (yang pertama) dan Hanbali (juga yang pertama) tidak mencakupi keseluruhan makna kerana manusia boleh jadi tidak memiliki apa yang dikira sebagai harta atau apa yang boleh dijual tetapi masih dikira sebagai orang yang kesempitan wang seperti tidak memiliki baju pada badannya atau keperluan asas rumahnya. Ini semua dikira harta atau sesuatu yang boleh dijual akan tetapi mereka tidak terkeluar dari had kesempitan wang. Takrif mazhab Shafie dan Hambali yang kedua bersesuaian dengan keadaan orang yang kesempitan wang dari segi nafkah. Menurut penulis, maksud yang paling dekat adalah takrif mazhab Shafie yang ketiga akan tetapi takrif orang yang kesempitan wang tersebut didapati terbatas kepada takrif bermaksud muflis dan apa yang ditinggalkan olehnya dan tidak diketahui nilainya.

Daripada takrif-takrif yang diberikan oleh fuqaha, boleh disimpulkan bahawa *mu'ṣir* adalah merujuk kepada orang yang kesempitan wang dalam melangsaikan hutang atau orang yang berhutang yang tidak memiliki lebih harta selain dari keperluan asasi. Keperluan asasi adalah perkara yang tidak dianggap bermewah dengannya seperti pakaian, makanan, tempat tinggal, keperluan asas rumah dengan kadar yang cukup baginya dan keluarga yang ditanggungnya, kenderaan biasa jika dia memerlukannya, alat-alat pertukangan apa-apa yang dikira tanpanya akan mengundang kerumitan dan kesusahan yang besar. Penentuan keperluan asasi dan *i'ṣār* bergantung kepada uruf setempat.

Istilah *I'ṣār* Dalam Perspektif Undang-undang:

I'ṣār boleh dianggap lebih umum daripada insolvensi kerana insolvensi lebih sinonim dengan proses dan tindakan mahkamah ke atas pemiutang dan pengistiharan bankrap. Takrif bankrap menurut Jabatan Insolvensi Malaysia:
 “Kebankrapan adalah satu proses di mana seorang penghutang itu diisytiharkan sebagai bankrap lanjutan daripada suatu Perintah Penghukuman yang dibuat di Mahkamah Tinggi

²⁸ Lihat: Keputusan Qarar Majmak Fiqhi, Keputusan No.186 (1/20), Perkara Hukum Insolvensi (Kesempitan Wang) dan Bankrap dalam Shariah Islam & Undang-undang Kontemporari

~~terhadap penghutang tersebut atas kegagalan atau ketidakupayaan untuk membayar hutang sekurang-kurangnya RM30,000.00.”²⁹~~

‘Isar bukan semestinya insolvensi. Ini kerana insolvensi dikait rapat dengan keadaan tidak mampu membayar hutang dan proses tidakan undang undang dan pengishtiharan bankrap. Tidak ada definisi yang khusus dalam amalan undang-undang semasa berkenaan dengan ‘isar. Yang ada adalah bankrap/mufliis. Takrif bankrap menurut Jabatan Insolvensi Malaysia: “Kebankrapan adalah satu proses di mana seorang penghutang itu diisytiharkan sebagai bankrap lanjutan daripada suatu Perintah Penghukuman yang dibuat di Mahkamah Tinggi terhadap penghutang tersebut atas kegagalan atau ketidakupayaan untuk membayar hutang sekurang-kurangnya RM30,000.00.”³⁰

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Line spacing: single

Walaupun bagaimanapun, penggunaan istilah insolvensi sebagai terjemahan kepada ‘isar dan solvensi sebagai terjemahan kepada musir sudah diterima pakai dan sinonim dengan kegagalan membayar hutang dan kesemptian kewangan atau di sebaliknya.

Investopedia memberikan definisi seperti berikut:

“Insolvency is when an individual or organization can no longer meet its financial obligations with its lender or lenders as debts become due. Insolvency can lead to insolvency proceedings, in which legal action will be taken against the insolvent entity and assets may be liquidated to pay off outstanding debts.”³¹

Perbezaan Antara Mufliis dan *Mu‘sir*

Sebelum menerangkan tentang perbezaan antara kedua-duanya lebih elok jika diterangkan siapa sebenarnya mufliis dalam Fiqh Islam dan Undang-undang secara ringkas.

Mufliis dalam Fiqh Islam:

Mufliis menurut fuqaha adalah orang yang mempunyai hutang pada detik ini yang sudah matang yang lebih dari hartanya.

هو من عليه ديون حالة زائدة على ماله³².

²⁹ <http://www.insolvensi.gov.my/ms/about-us/core-business/core-business/personal-bankruptcy>. Diakses pada 26052016.

³⁰ <http://www.insolvensi.gov.my/ms/about-us/core-business/core-business/personal-bankruptcy>. Diakses pada 26052016.

³¹ <http://www.investopedia.com/terms/i/insolvency.asp?layout=infini&v=5B&adtest=5B&ato=3000> ; Diakses 27052016.

Menurut Majma al-Fiqhi, *Iflas* (bankrupt) adalah keadaan di mana harta penghutang tidak mencukupi untuk membayar hutang-hutangnya. Muflis adalah orang yang dikategorikan sebagai memiliki sifat tersebut.³³

Perbezaan di antara *I'sar* (kesempitan wang) dan *Iflas* (bankrap)

Ada di kalangan ulama³⁴ seperti al-Syaukani berpendapat tidak ada perbezaan antara kedua-duanya dan tidak ada ukurtara yang membezakan antara kedua-duanya dari segi pengertian syarak dan Bahasa. *Mu'sir* adalah orang yang dalam kesempitan wang untuk melunaskan hutangnya dan Muflis pula adalah orang yang bankrap dari melunaskan hutangnya. Maka kedua-duanya dari segi aspek ini bersatu kerana makna kedua-duanya kembali kepada perkara yang satu³⁴.

Sebahagian besar Fuqaha' berpendapat ada perbezaan antara kedua-duanya dari segi istilah. Menurut mereka muflis mempunyai sumber harta akan tetapi tidak cukup untuk melunaskan kesemua hutang-hutangnya. Manakala *mu'sir* pula tidak mempunyai wang lebih dari keperluannya yang perlu ada sepertimana yang telah dijelaskan. Akan tetapi keadaan muflis boleh menjadi *i'sar* jika dia menggunakan hartanya untuk melunaskan hutangnya. Oleh sebab itulah sebahagian Fuqaha' terlepas pandang dan memberi maksud lafaz muflis sebagai *mu'sir*.

Ibn Rushd rahimahullah berkata: "*Iflas* (bankrap) boleh bermaksud dua, salah satunya ialah hutang menenggelamkan harta orang yang berhutang sehingga hartanya tidak dapat melunaskan hutangnya. Yang kedua, tidak mempunyai harta yang tertentu sama sekali³⁵."

Yang tepat adalah muflis lebih umum daripada *mu'sir*. Semua ~~*mu'sir*~~ boleh dipercayai bahawa dia bankrap tetapi bukan sebaliknya.

³² Al-Dasuki, *Hasyiah al-Dasuki Asla al-Syarh al-Kabir*, jil. 3, hlm. 263-265; al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, jil 2, hlm. 146; Ibn Qudamah, *Al-Syarh Al-Kabir*, jil. 13, hlm. 227.

³³ Lihat: Keputusan Qarar Majmak Fiqhi, Keputusan No.186 (1/20), Perkara Hukum Insolvensi (Kesempitan Wang) dan Bankrap dalam Shariah Islam & Undang-undang Kontemporari.

³⁴ Al-Syaukani, *Al-Sail al-Jarar*, jil. 1, hlm. 244.

³⁵ Ibn al-Rushd, *Bidayat al-Mujtahid*, jil. 4, hlm. 73.

Antara perbezaan yang paling ketara di antara kedua-duanya ialah:

- 1- *Iflas/Muflis* adalah berkait rapat dengan hutang, adapun *i'sar* tidak semestinya dikaitkan dengan hutang.³⁶ *I'sar* oleh terjadi disebabkan hutang atau hak-hak syar'i yang lain seperti nafkah. Berbeza dengan bangkrap, ia tidak akan terjadi melainkan disebabkan hutang sahaja.³⁷
- 2- *I'sar* boleh berlaku dengan didahului keadaan yang senang (berkemampuan) atau di sebaliknya. Berbeza dengan muflis, tidak akan terjadi *iflas* (bankrup) melainkan jika didahului dengan keadaan- senang (berkemampuan).
- 3- Hakim tidak boleh mengenakan hukuman tahanan ke atas *mu'sir* sekiranya terbukti dia memang betul-betul-betul di dalam keadaan yang susah. Adapun seseorang yang muflis boleh ditahan sebagai ta'zir kerana penipuan, helah dan kecuaiian.
- 4- Seorang muflis akan dilarang/ditegah bertransaksi, akan tetapi seorang yang *mu'sir* akan ditunggu atau diberi kelonggaran dan dibenarkan bekerja atau bertransaksi sehingga beliau berkemampuan untuk membayar hutang, jika terbukti beliau dalam keadaan susah, sebagaimana firman Allah: (Surah Al-Baqarah:200).
- 5- Wajib ke atas muflis menjual hartanya dan asetnya dan hasil tersebut diagihkan untuk pemiutang dan kembalikan kepadanya sekiranya ada baki. Manakala *i'sar* tidak diharuskan sedemikian kerana *mu'sir* tidak mempunyai sesuatu untuk dijual.
- 6- Pensabitan *i'sar* orang yang berhutang tidak menjadikan hutang yang bertanggung matang sebelum sampai tempohnya secara sepakat oleh fuqaha manakala hutang-hutang yang tertanggung dianggap menjadi matang kerana pengishtiharan bankrap sepertimana yang dikatakan oleh mazhab Maliki dan begitu juga menurut mazhab Shafie.³⁸

Perbincangan tentang *i'sar* oleh para fuqaha dahulu agak berbeza kerana perseptif yang dibincangkan bukanlah samada boleh diberikan penstrukturan semula pembiayaan melalui *qalb al-dayn* atau tidak, tetapi keadaan *i'sar* apabila dibuktikan betul-betul berlaku maka penghutang dikecualikan daripada ditahan, diberikan tempoh untuk melangsaikan hutang

³⁶ Mausū'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah, Juz 5, m=hlml, 246. Carian perkataan *i'sar*.

³⁷ Ibid.

³⁸ Al-Dardir, *Al-Syarh al-Kabir*, jil. 3, hlm. 265; al-SharbiSyarbini, *Mughni al-Muhtaj*, jil. 2, hlm. 147.

sehingga penghutang berkemampuan dari segi kewangan. Apa yang boleh dikaitkan di sini ialah apabila terbukti *i'ṣar*, maka penghutang tidak lagi dianggap sebagai *musir*, dan dengan itu bank tidak lagi dibenarkan melakukan *qalb al-dayn*.

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Pembuktian *I'ṣar*

Oleh kerana *i'ṣar* memberikan kesan ~~hukum~~ *hukum* seperti dibebaskan dari tahanan, diberikan penanguhan bayaran hutang, pembuktian *i'ṣar* adalah penting. Para fuqaha³⁹ berpandangan *i'ṣar* boleh dibuktikan melalui beberapa cara seperti berikut:

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

1. Iqrar. Iqrar dari pemiutang bahawa penghutang adalah *mu'sir*
2. Keterangan saksi,
3. Sumpah
4. Qarinah

Keadaan *I'ṣar* dan Pengesahannya

Pengesahan keadaan *i'ṣar* adalah penting kerana seorang penghutang yang betul-betul *mu'sir* tidak boleh dikenakan tahanan atau dipaksa membayar hutang. Berdasarkan perbincangan fuqaha berkenaan *i'ṣar*, ia dapat diringkaskan kepada senario berikut:

Senario Pertama: Keadaan *I'ṣar* Yang Sebenar.

Para Fuqaha' bersepakat jika orang yang mendakwa dirinya dalam kesempitan wang dan pemiutang membenarkannya maka orang tersebut tidak akan ditahan, bahkan harus ditunggu sehingga dia di dalam keadaan yang senang (*maisarah*).⁴⁰ Firman Allah s.w.t:

وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.”⁴¹

Sabda Nabi s.a.w kepada penghutang yang banyak hutangnya:

(خذوا ما وجدتم لىس لكم إلا ذلك)

“Ambillah apa yang kamu dapat, dan tidak ada yang lain bagimu selain dari itu”⁴².

³⁹ Ibn Abidin, *Rad al-Muhtar*, jil. 4, hlm. 370; Ibn Farhun, *al-Tabsirah*, jil. 1, hlm. 130; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jil. 4 hlm. 150.

⁴⁰ al-Binayah Fi Syarh al-Hidayah, jil. 8, hlm. 33; al-Dardir, *al-Syarh al-Kabir*, jil. 3, hlm. 280; Al-Mawardi, *Al-Hawi al-Kabir*, jil. 6, hlm. 332; Ibn Qudamah, *Al-Syarh al-Kabir*, jil. 13, hlm. 236.

⁴¹ Surah al-Baqarah 2:280

⁴² Diriwatikan oleh Muslim di dalam bab *Istihbab al-Wad' al-M'min al-Delayin M'min* *Kitaab al-M'musaqah*, jil. 3, hlm. 1191.

Ini adalah kerana penahanan penghutang bertujuan samada untuk mensabitkan keadaan kesukaran kewangan (i'_{sar}) atau untuk melunaskan hutangnya. Kesukarannya (i'_{sar}) terbukti melalui pengakuan pihak lawan dan ketidakmampuan melunaskan hutang tersebut. Maka tiada faedah untuk menahannya.

Formatted: Line spacing: 1.5 lines

Walaupun bagaimanapun, perlu dipastikan dengan jelas maksud i'_{sar} secara syar'i bagi penghutang sehingga tidak dikira kesempitannya itu secara samar-samar, realitinya dia tidak berada dalam kesempitan wang secara Syar'i. ~~Perlu juga dipastikan jika di sana terdapat pakatan sulit bagi mensabitkan i'_{sar} untuk meeapai satu-satu obejktif tertentu.~~

Dalam konteks penstrukturan semula, kebiasaannya bank tidak akan melayan permohonan penstruturan semula kerana risiko insolvensi yang tinggi. Adalah dicadangkan bagi pelanggan yang berada dalam keadaan i'_{sar} yang sebenar, seperti kehilangan pekerjaan dan tidak ada harta, bank menawarkan penjadualan semula pembayaran hutang dengan bayaran ansuran yang lebih rendah dan memanjangkan tempoh bayaran tanpa mengenakan sebarang caj ataupun bayaran tambahan daripada keseluruhan jumlah hutang asal.

Alternatif lain ialah bank memberikan tempoh moratorium penangguhan bayaran dalam tempoh tertentu bagi pelanggan tertentu yang betul betul berdepan dengan kesempitan kewangan. Sekiranya diambil tidakan mahkamah sekalipun, mungkin ia tidak berbaloi. Ini adalah bertepatan dengan ayat di atas.

Senario Kedua: Keadaan i'_{sar} Yang Dipertikaikan

Pemiutang menyangkal dakwaan $i'_{\text{sari'sar}}$ oleh penghutang. Jika pemiutang menyangkal akan kesempitan penghutang, maka siapa yang harus mengutarakan pernyataannya dan siapa yang harus menanggung beban membuktikan? Adakah si pemiutang dan dia diminta untuk mensabitkan kemampuan bayar dan kesenangan penghutang atau si penghutang diminta untuk mensabitkan kesukarannya (i'_{sar})? Untuk menjawab persoalan ini perlu kita ketahui bahawa orang yang mendakwa i'_{sar} tidak lekang dari beberapa hal berikut⁴³:

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

⁴³ Sheikh Ahmad bin Abdullah al-Ja'fari, ibid, hlm. 118.-

1.1.1 Penghutang ~~hendaklah~~—Hendaklah Diketahui Sebagai Berkemampuan Mmembayar ~~أن يكون معلوم الملاء~~

Kesenangannya terserlah dan dia diketahui mempunyai harta zahir yang jelas diketahui. Menurut mazhab Maliki dikira memiliki harta juga penghutang yang menggunakan duit orang untuk berniaga kemudian mendakwa duit itu hilang sedangkan tidak dapat dibuktikan kebenaran dakwaannya samada seperti berlaku kebakaran atau kecurian.⁴⁴

Hukumnya: Kata-kata yang diambil adalah kata-kata pemiutang, pemiutang boleh menahannya sehingga dia bersih dari hutangnya samada dengan cara membayar, dikecualikan daripada membayar atau dengan hiwalah (penukaran hak milik). Jika penghutang mendakwa duit tersebut hilang maka dia harus mengemukakan bukti sebagaimana yang telah disepakati ulama. Ibn Farhun dan Ibn Taimiyah menukil kesepakatan Fuqaha empat mazhab bahawa hakim boleh menghukumnya dengan sebatan.⁴⁵

Dalilnya: Sabda Rasulullah s.a.w:

"لي الواجد يحل عرضه وعقوبته"⁴⁶

Maksud: "Penangguhan bayaran hutang (oleh penghutang yang berkemampuan) ~~membolehkan~~ ~~ghalakan~~-(tindakan ke atas) reputasinya ~~sendiri~~ dan juga hukuman"

1.1.2 Penghutang Dijankakan Musir/Mampu Membayar (أن يكون مظنون الملاء)

Penghutang tidak diketahui kemampuannya tetapi boleh dijangka kemampuannya contohnya diketahui dia mempunyai harta sebelum dia mendakwa ~~i-~~ sar (kesempitan wang) dan kebiasaannya keadaan tersebut tidak berubah.⁴⁷

Hukumnya: Kata-kata yang diambil adalah kata-kata pemiutang. Pemiutang boleh menahannya sehingga dia menjelaskan bayaran hutangnya samada dengan cara membayar,

⁴⁴ Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, jil. 2, hlm. 235; al-Mardawi, *al-Insaf*, jil. 13, hlm. 234.

⁴⁵ Sheikh Ahmad bin Abdullah al-Ja'fari, *ibid*.

⁴⁶ Riwayat Bukhari di dalam bab Li Sahib al-Haq Maqal dari kitab al-Istiqrad, jil. 3, hlm. 155, Abu Daud di dalam bab Al-Habs Bi al-Dain ~~Dain~~ ~~Davn~~ Wa Ghairuhu Min Kitab al-Aqdhiyah, jil. 2, hlm. 282, ~~Al-Nasa'i~~ ~~il-Di~~ dalam bab Mutil al-Ghani Min Kitab al-Buyu' al-Mujtaba, jil. 7, hlm. 278, Ibn Majah di dalam bab Al-Habs Fi al-Dain ~~Davn~~ Min Kitab al-Sadaqat, jil. 2, hlm. 811, Ahmad di dalam Musnad, jil. 4, hlm. 388.

⁴⁷ *Ibid*.

dikecualikan daripada membayar, hiwalah (penukaran hak milik), kemukakan bukti akan kehilangan duitnya, atau *hi'sar* (kesempitan wang) atau pemiutang memberi izin penghutang keluar dari tahanan. Ini merupakan kesepakatan ulama' secara menyeluruh. Tetapi menurut mazhab Maliki, jika penghutang meminta tempoh beberapa hari tertentu yang dianggarkan dari dua -hingga lima hari untuk membuktikan kesusahannya *i'sar* hendaklah hakim menanggung penahanannya dengan syarat ada penjamin.⁴⁸

Dalilnya: Asalnya adalah hartanya tetap ada dan ada dalam pegangannya sehingga diketahui kehilangannya.⁴⁹

Ini adalah amalan kebanyakan perbankan Islam dan resolusi SAC bank Negara dengan membezakan *musir* dan *mu'sir*. *Qalb al-dayn* dibenarkan bagi *musir*. Amalan industri sekarang lebih cenderung kepada memberikan hak membuktikan keadaan kesempitan kewangan pelanggan kepada bank sebagai pemiutang. Kesempitan kewangan pelanggan dan kemampuan kreditnya boleh dikenalpasti melalui laporan kewangan, analisa kredit ke atas asset yang dimiliki dan juga beban hutang yang ditanggung, semakan senarai hitam melalui CITOS dan CCRIC dan lain-lain lagi.

Kebiasaannya bank tidak akan membenarkan penstruktur semula walaupun pelanggan memohon berbuat demikian kerana risiko insolvensi yang lebih parah. Bank hanya membenarkan penstruktur semula sekiranya dijangkakan pelanggan mampu membuat bayaran pada masa hadapan.

1.1.3 Penghutang Tidak Diketahui Keadaannya أن يكون مجهول الحال

Seperti tidak mengetahui adakah yang mendakwa kesempitan wang itu mempunyai harta selain duit yang dipinjamnya dan yang diminta untuk dijelaskan, ataupun diketahui bahawa

⁴⁸ *Hasyiah al-Dusuqi*, jil. 3, hlm. 278.

⁴⁹ Sheikh Ahmad bin Abdullah al-Ja'fari, *ibid*, hlm119.

dia mempunyai duit sebelum itu dan dijankakan kehabisannya samada kerana jumlahnya menjadi sedikit atau tempohnya sudah terlalu lama atau perkara-perkara lain.

Para fuqaha membezakan di antara hutang yang yang berlaku melalui pinjaman (*qard*) dan jual beli dengan hutang yang berlaku di sebabkan pampasan *khulu'*, maskahwin dan kafalah. Kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada yang pertama iaitu hutang disebabkan pinjaman atau bayaran tangguh. Fuqaha berbeza pendapat tentang perkara ini dengan dua pendapat:

Pendapat pertama: Kata-kata yang diambil adalah kata-kata pemiutang, pemiutang boleh menahan penghutang sehingga dia membayar hutangnya atau dengan membuktikan kesempitannya (*i-^u'sar*) atau pemiutang mengizinkan penghutang dibebaskan dari tahanan. Ini adalah pendapat Jumhur ulama daripada mazhab Hanafi⁵⁰, Maliki⁵¹, Shafie⁵² dan Hanbali⁵³.

Ini kerana pada asasnya hak untuk mendapat bayaran (*mu-^u'awadah*) kekal bagi pihak pemiutang dan sekiranya ada dakwaan di sebaliknya, maka harus dikemukakan bukti.

Pendapat kedua: Kata-kata yang diambil adalah kata-kata penghutang beserta sumpah. Ini merupakan riwayat mazhab Hanafi⁵⁴ dan satu pilihan pendapat oleh Ibn al-Qayyim.⁵⁵ Jika penghutang bersumpah bahawa dia kesempitan wang, dia diberi ruang dan dia tidak ditahan sehinggalah pemiutang mensabitkan kebenarannya bahawa dia memang sedang dalam keadaan susah (*mu-^u'sir*)⁵⁶.

Dalil: Kerana secara umum manusia pada asalnya adalah kesempitan; manusia memang dilahirkan tidak berduit dan pemiutang mendakwa penghutang dalam keadaan senang itu merupakan perkara yang baru yang terjadi. Oleh itu, kata-kata yang diambil adalah kata-kata yang berpegang dengan yang asal (kesempitan wang) sehinggalah terbukti sebaliknya.

⁵⁰ Ibn 'Abidin, *Rad al-Muhtar*, jil. 5, hlm. 381.

⁵¹ Al-Dasuqi, *Hasyiah al-Dusuqi*, jil. 3, hlm. 278.

⁵² Al-Sharbinī/Syarbīnī, *Mughni al-Muhtaj*, jil. 2, hlm. 155.

⁵³ Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, jil. 6, hlm. 585.

⁵⁴ *Syarh Fath al-Qadir*, jil. 6, hlm. 377.

⁵⁵ Ibn Qayyim, *al-Turuq al-Hukmiyah*, hlm. 72.

⁵⁶ Sheikh Ahmad bin Abdullah al-Ja'fari, *ibid*.

Tambahan pula, penahanan adalah sebuah hukuman dan hukuman hanya boleh dilaksanakan apabila terbukti sebabnya. Ia boleh diqiyaskan dengan hudud dan tidak boleh dilakukan dengan wujudnya syubhah⁵⁷.

Pendapat yang dipilih

Pendapat lebih tepat menurut penulis adalah mazhab Jumhur ulama kerana hukum asalnya *istishab* ialah keadaannya penghutang yang *musir* (berkemampuan) sehinggalah diketahui di sebaliknya. Dalam konteks perbankan Islam sekarang sebelum diberikan kemudahan pembiayaan, bank akan terlebih dahulu memastikan *creditworthiness* atau kemampuan kredit pelanggan. Pelanggan adalah dianggap berada dalam keadaan *musir* sehingga terbukti sebaliknya. Kelewatan pelanggan membayar ansuran bulanan menimbulkan kemungkinan akan berlaku kemunkiran (default). Tetapi, ia tidak cukup untuk membuktikan *i'sar*.

Senario Ketiga: Tidak Diketahui *I'sar* Sebenar Penghutang, Sedangkan Penghutang Mendakwa Mengalami *I'sar* (أن يدعي الإعسار ولا يعرف الدائن حاله)

Jika penghutang mendakwa *i'sar* dan pemiutang mengatakan bahawa dia tidak mengetahui keadaan penghutang yang sebenar adakah dia benar-benar dalam kesempitan ataupun tidak. Ini hanya berlaku sekiranya memang tidak diketahui keadaan sebenar penghutang.

Kebanyak ulama berpendapat bahawa jika penghutang mendakwa pemiutang tahu akan hal keadaannya dan pemiutang diminta untuk bersumpah bahawa dia tidak mengetahui *i'sar* penghutang atau duitnya hilang hendaklah berbuat demikian. Jika pemiutang bersumpah bahawa dia tidak mengetahui kesempitan penghutang atau duitnya hilang, penghutang tersebut ditahan sehingga dia menjelaskan hutangnya atau dapat dibuktikan kesempitannya.⁵⁸

Ibn Abidin berpendapat ditahan penghutang sekiranya ada dilihat ada masalah (keraguan pada dakwaannya).⁵⁹

⁵⁷ Ibid.

⁵⁸ al-Dardir, *al-Syarh al-Kabir*, jil. 3, hlm. 380; al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, jil. 2, hlm. 155; al-Bahuti, *Kasysyaf al-Qina'*, jil. 5, hlm. 1652; al-Inayah Syarh al-Hidayah, jil. 6, hlm. 379.

⁵⁹ Ibn Abidin, *Rad al-Muhtar*, jil. 5, hlm. 485

Formatted: Font: Bold, Complex Script Font: Bold

Formatted: Font: Bold, Complex Script Font: Bold

Di dalam *al-Taj wa al-Iklil*: “Peghutang ditahan untuk membuktikan kesempitannya (*i'sar*) sekiranya tidak diketahui halnya”⁶⁰.

Penyiasatan Ke ~~atas-Atas~~ *i'sar*:

Asalnya seorang pemiutang adalah diminta untuk mengambil keterangan harta peghutang jika diminta menunjukkan beban bukti tentang kemampuannya. Seorang yang mendakwa *i'sar* adalah diminta untuk mensabitkan kesempitannya dengan bukti jika diminta menunjukkan bukti pensabitan. Akan tetapi, adakah hakim dan agensi lain yang mempunyai kepentingan kajian dan penyiasatan tentang keadaan peghutang susah atau senang dapat memberi pengecualian.

Ada di kalangan fuqaha yang mencadangkan pencarian dan penyiasatan seperti yang disebut oleh Al-Bahuti,:

"Jika orang yang berhutang mendakwa *i'sar* dan dia tidak mempunyai apa-apa dan hal ini yang membuatkan dia berhutang maka pendakwa berkata kepada hakim: Duit itu ada padanya, dan pendakwa memohon daripada hakim untuk membuat pemeriksaan, maka hakim perlu menjawab permintaan tersebut".⁶¹

Pada zaman sekarang terdapat pelbagai cara untuk membuktikan perolehan gaji, pemilikan harta, sumber kekayaan samada hartanah, saham, badan-badan dan aktiviti-aktiviti perdagangan lain yang bermacam-macam melalu rekod dan pendaftaran yang sah. Ini menyukarkan individu biasa untuk menafikan pemilikan ~~apa-apa~~ apa jenis harta di dalam tangan peghutang.

Dalam konteks sekarang, berkaitan dengan penstrukturan semula, perlu dibuat kajian *i'sar* pelanggan dengan jelas dan rapi (due diligence). Sekiranya terbukti status *i'sar* ~~i'sar~~ pelanggan, maka bank tidak boleh menawarkan kemudahan pensrstruktur semula. Bahkan ia boleh dianggap sebagai kesalahan dan isu tidak patuh Syariah.

Oleh kerana Syariah datang untuk menjaga maslahat hamba-hambanya untuk menegakkan keadilan, menolong orang yang dizalimi dan memberi kepada orang yang berhak haknya kerana kewajipan pada zaman sekarang tidak dapat diselesaikan dengan cara yang betul

⁶⁰ Al-Muwaq, Muhammad bin Yusuf, *Al-Taj wa al-Iklil*, jil. 5, hlm. 48.

⁶¹ Kasysyaf al-Qina', jil. 5, hlm. 1652..

melainkan dengan pencarian maklumat dan penyiasatan yang teliti tentang keadaan orang yang mendakwa *ij'asir* kerana kaedah feqah menyatakan:

ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب

"Sesuatu yang wajib tidak dapat diselesaikan melainkan dengan yang wajib itu adalah wajib".

Cadangan mengenalpasti *I'asir* yang menghalang penstrukturan semula melalui *qalb al-dayn*

1. Pelanggan sudah disenarai hitam samada melalui CTOS CCRIS -atau melalui mana-mana sumber yang berautoriti.
2. Pelanggan sudah diisytihar bankrap oleh mahkamah.
3. Pelanggan sedang di dalam proses insolvensi dan sudah dikenakan tindakan undang-undang berkaitan.
4. Setelah berlaku kemunkiran (event of default). Ini kerana kemunkiran hanya berlaku selepas beberapa kali pelanggan gagal membuat bayaran.
5. Pengakuan pelanggan dan disahkan dengan pembuktian seperti hilang pekerjaan, penyakit ilat kekal atau kematian.
6. Pelanggan yang ditahan hartanya oleh pihak berkuasa ataupun ditahan kerana proses pendakwaan di mahkamah dan terbukti dia tidak memiliki harta yang lain, maka dia dianggap sebagai *mu'asir* dengan itu tidak boleh dilakukan *qalb al-dayn*.
7. Pelanggan yang sengaja menangguhkan bayaran (*mumatolah*), membuat pinjaman dikenali suka untuk bermewah-mewahan, menunjuk-nunjuk bukan berdasarkan kemampuan sebenar, dengan sentiasa menambah pinjaman dan hutang seperti melalui kredit kad, pinjaman peribadi, sedangkan tidak mampu untuk membayar hutang, dan tidak bertanggungjawab ke atas diri dan keluarga. Ini boleh diketahui melalui analisa kredit ketika permohonan pembiayaan atau pembiayaan semula.⁶²

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Indent: Before: 1.27 cm, No bullets or numbering

Formatted: Font: (Default) +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Complex Script Font: +Headings CS (Times New Roman), 12 pt

Formatted: Left, Indent: Before: 1.27 cm, Add space between paragraphs of the same style, No bullets or numbering

Formatted: Indent: Before: 1.27 cm, No bullets or numbering

Formatted: Font: (Default) +Headings CS (Times New Roman), 12 pt, Complex Script Font: +Headings CS (Times New Roman), 12 pt

Formatted: Left, Indent: Before: 1.27 cm, Add space between paragraphs of the same style, No bullets or numbering

Formatted: Indent: Before: 1.27 cm, No bullets or numbering

Formatted: Indent: Before: 1.27 cm, No bullets or numbering

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Indent: Before: 1.27 cm, No bullets or numbering

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Pandangan dan Cadangan Penulis

⁶² Syeikh Abdullah bin Al-Mani', *Hukm Qalb al-Dayn 'Asala al-Madain*, 4th Fiqh Conference for Islamic Financial Institutions, Kuwait, Crown Plaza Hotel, 21-22 Disember 2011, ms-hlm. 227

Kajian ini mencadangkan masih ada unsur shubhah riba pada pembiayaan yang melibatkan penstrukturan semula khususnya melalui instrument BBA walaupun kepada *musir*. Ia sangat ketara kerana transaksi (muamalat) yang dilakukan tidak ada tujuan lain kecuali untuk menambahkan tempoh pembiayaan bersama dengan pertambahan jumlah hutang. Adapun ijarah, tiada halangan untuk mengubah tempoh atau jumlah sewa dari masa ke semasa.

Hujah Menjustifikasikan Kkeharusan Qalib al-Ddayn dan Jawapan

Di antara hujah yang mungkin digunakan oleh mereka yang membenarkan *qalb al-dayn* adalah seperti berikut:

1. Dalam pembiayaan murabahah isu *time value of money* dibenarkan kenapa pula tidak dibenarkan di dalam penstrukturan semula?

Jawapan:

Qalb al-dayn berbeza daripada pembiayaan biasa buat kali pertama. Pembiayaan biasa tidak bertujuan untuk membaya hutang lama dan penangguhan tempoh pembiayaan dan jumlah hutang.

2. Bank sebenarnya menolong pelanggan yang bermasalah kecairan aliran tunai, mungkin masih ada harta tetapi lambat menerima bayaran?

Jawapan:

Pertolongan boleh diberikan sebenarnya bukan sekadar pertolongan, tetapi ia dibalas dengan ganjaran iaitu penambahan jumlah hutang dengan bertambahnya tempoh. Kalau betul-betul-betul bank ingin memberi pertolongan, dengan budi bicara pengurusan bank, penangguhan bayaran boleh dilakukan dengan tempoh dan syarat syarat tertentu. Bank juga boleh menawarkan penjadualan semula (reschedule) pembiayaan tanpa mengenakan sebarang penambahan kepada jumlah hutang yang asal. Di dalam Islam matlamat tidak menghalalkan cara.

3. Kos dana pembiayaan (cost of fund) yang berterusan. Bank terpaksa menanggung kos dana sepanjang pembiayaan.

Ya, bank terpaksa menanggung kos dana pembiayaan, tetapi di dalam kes kemunkiran (default) bank akan berdepan dengan risiko yang sama juga, bukan sahaja bagi kes

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

Formatted: Font: Italic, Complex Script Font: Italic

penstrukturan semula. Penyelesaiannya ialah dengan mengenakan dasar analisis ~~credit~~ kredit yang pengurusan risiko yang ketat, pengambilan cagaran dan sepatutnya bank sudah mengambil kira sebarang kemungkinan risiko. Tambahan pula ~~risiki~~ risiko kos dana, dari persepektif Syariah tidak ada kena mengena dengan pembiayaan yang diberikan. Ia adalah dua akad yang berbeza. Ia tidak sepatutnya dijadikan justifikasi untuk keharusan *qalb al-dayn* walaupun untuk perkiraan dalaman ia boleh dipertimbangkan. Pihak pengurusan bank perlu mencari alternatif lain yang lebih efektif seperti menggunakan kadar keuntungan terapung (*floating BBA*).

Alternatif kepada *Qalb al-dayn*

1. Pembiayaan terapung (*floating bba* BBA)

Bagi pembiayaan terapung, kadar keuntungan efektif boleh berubah dan diubah dari masa ke semasa selagi mana ia di bawah kadar siling yang disebut di dalam aqad jual beli. Dengan itu penstrukturan semula tidak perlu kepada *qalb al-dayn* dengan melakukan pembiayaan baru melalui transaksi jual beli komoditi.
2. Pembiayaan daripada pihak ketiga

Ini boleh berlaku apabila pembiayaan semula diperolehi daripada pihak ketiga. Walaupun ada pertambahan tempoh dan ada pertambahan jumlah keseluruhan hutang, tetapi keberhutangan baru berlaku dengan pihak lain, bukan di antara penghutang dan pemiutang. Dengan itu ia tidak menimbulkan isu *qalb al-dayn* yang dianggap helah kepada riba.
3. Penjadualan semula bukan penstrukturan semula. Penjadualan semula khasnya kepada pelanggan yang bermasalah kewangan dengan mengurangkan jumlah ansuran bulanan dan memanjangkan tempoh pembiayaan tanpa dikenakan sebarang yuran adalah selari dengan konsep memberikan kelonggaran tempoh yang disebut di dalam al-Quran "*fanaziratun ila maisarah*"
4. Bagi produk pembiayaan berteraskan ijarah, tidak ada masalah *qalb al-dayn* bagi penstrukturan semula. Kadar sewaan dan tempoh sewaan boleh dipersetujui dari awal untuk dipertimbangkan semula dari masa ke semasa.
5. Selain dari itu, bank juga boleh memperketatkan polisi kredit, mengambil cagaran dan jaminan ke atas pembiayaan.

Kesimpulan

Qalb al-dayn dengan pertambahan kepada jumlah hutang sebagai timbal balas kepada penangguhan dan dikaitkan dengan pembayaran hutang terdahulu walaupun dilakukan dengan transaksi jual beli ~~komoditi~~ komoditi (tawarruq) secara berasingan tanpa mengira status, ~~walaupun kepada~~ pelanggan yang senang *musir/solvent* atau mu'sir masih tidak terlepas daripada syubhah riba. Rukun asas riba adalah penangguhan bayaran hutang dan pertambahan jumlah hutang tanpa mengira penghutang senang atau susah. Bagi pembiayaan kadar keuntungan terapung (floating BBA), penstrukturan semula selagi mana masih di bawah harga siling, boleh dipertimbangkan. Adapun penjadualan semula bagi pembiayaan keuntungan tetap samada melalui aqad jual beli murabahah atau tidak, maka ia dibolehkan sekiranya tidak ada penambahan pada jumlah hutang asal dan juga caj yang dikenakan.

Berkenaan perbezaan di antara *musir* dan *mu'sir* bagi mereka yang membenarkan *qalb al-dayn* kepada pelanggan *musir* sahaja, dicadangkan supaya penentuan *musir* secara teliti dengan mengambil kira bukti bukti *i'sar* sepenuhnya untuk mengelakkan ketidakadilan. Perlu diberi pertimbangan seperti penangguhan bayaran dan penjadualan semula kepada pelanggan yang betul betul *mu'sir*, bukannya penstrukturan semula melalui *qalb al-dayn*.

Senarai Rujukan

- Abdul Ghani, ~~Mu'tamad Muharram~~, Muqawamat al-Iflas Fi al-Fiqhi al-Islami wa al-Qanun al-Muqaran, (1984) hlm. 22.
- Abu Abd. Rahman Ahmad Bin Syuib Bin Ali al-Kharasani, al-Sunan al-Sughra lilNasa'I, bab Mutil al-Ghani Min Kitab al-Buyu' al-Mujtaba, jil. 7, hlm. 278,
- Abu Daud, Sulaiman Bin al-Asy'ats al-Azdi al-Sajastani, Sunan Abi Daud, bab Al-Habs Bi al-Dain Wa Ghairuhu Min Kitab al-Aqdhiyah.
- Ahmad Bin al-Hussain Bin Ali Bin Musa Al-Baihaqi, al-Sunan al-Kubra, jil. 3, hlm. 155
- Ahmad Bin Hambal, Musnad al-Imam Ahmad Bin Hanbal, jil. 4, hlm. 388.
- al-Babarati, Muhammad Bin Muhammad Bin Mahmud Akmal Al-Din Abu Abdullah Ibn Syeikh Syamsuddin Ibn Syeikh Jamal al-Din Al-Rumi, al-Inayah Syarh al-Hidayah, jil. 6, hlm. 379.

- al-Bahuti, Mansur Bin Yunus Bin Idris, *Kasyaf al-Qana' 'an Matni al-Iqna'*, jil. 5, hlm. 1652.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Bin Ismail, *Sahih al-Bukhari*, bab Li Sahib al-Haq
Maqal dari kitab al-Istiqrad, jil. 3, hlm. 155,
- al-Dardir, Ahmad Bin Muhammad Bin Ahmad, *al-Syarh al-Kabir*, jil. 3, hlm. 265;
- al-Daruqutni, Ali Bin Umar, *Sunan al-Daruqutni*, jil. 6, hlm. 48.
- al-Dusuqi, Muhammad 'Irfah, *Hasyiah al-Dusuki ala Syarhi al-Kabir*, jil. 3, hlm. 263-265;
- al-Fayyumi, al-Misbah al-Munir, hlm. 155,
- Ali Bin Sulaiman al-Mardawi 'Ala' al-Din Abu Al-Hassan, *al-Insaf fi Ma'rifah al-Rajih min al-Khilaf*, jil 13, hlm. 242.
- al-Mawardi, Abu al-Hassan Ali Bin Muhammad Bin Habib, *al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Mazhab al-Imam Al-Syafie*, jil. 6, hlm. 332;
- al-Nasaie, Ahmad Bin Syuib, *Sunan al-Nasaie*, bab Wad'i al-Jawa'ih Min Kitab al-Buyu',
Al-Mujtaba, jil. 7, hlm. 233,
- al-Sanhuri, Abdul Razak, *Al-Wasit Fi Syarhi al-Qanun al-Madani al-Jadid*, jil. 2, hlm. 1213
- al-Sarakhsi Syamsu al-Din, *al-Mabsut*, jil. 24, hlm. 163.
- Al-Syarbini, Muhammad Bin Muhammad al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, jil 2, hlm. 146;
- al-Syaukani, Muhammad Bin Ali Bin Muhammad Bin Abdullah, *al-Sail al-Jarrar Faqdi Syan'i ala Sohib al-Matan "Had'iq al-Azhar" Fi Qzfihi Bainahuma*, jil. 1, hlm. 244.
- al-Tirmidzi, Abu Isa, *al-Jami' al-Kabir*, bab Ma Ja'a Fiman Tahillu Lahu al-Sadaqah Min Kitab al-Zakah.
- Badar al-Din al-I'ni, Abu Muhammad Mahmud Bin Ahmad Bin Musa Bin Ahmad Bin Hussain, *al-Binayah Fi Syarhi al-Hidayah*, jil. 8, hlm. 33
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin Bin Umar, *Rad al-Muhtar ala al-Dar al-Mukhtar*, jil. 4, hlm. 318.
- Ibn al-Hamman, Muhammad Bin Abdul al-Wahid al-Suwaisi, *Syarh Fath al-Qadir*, jil. 6, hlm. 377.
- Ibn Farhun, Ibrahim Syamsu al-Din Muhammad, *Tabsirat al-Hukkam fi Usul al-Aqdhiyah wa Manahij al-Ahkam*, jil. 2, hlm. 235; *al-Insaf*, jil. 13, hlm. 234.
- Ibn Majah, Muhammad Bin Yazid al-Qazwini Abu Abdillah, *Sunan Ibn Majah*, bab Al-Habs Fi al-Dain Min Kitab al-Sadaqat, jil. 2, hlm. 811,
- Ibn Mandzur, Muhammad Bin Mukrim, *Lisan al-Arab 4/563*
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Muhammad Bin Abi Bakar Bin Ayub, *Al-Turuq al-Hukmiyah fi al-Siasah al-Syar'iah*.
- Ibn Qudamah, *al-Syarh al-Kabir ala al-Muqni'*, jil. 13, hlm. 227.
- Ibn Rushd, Abu al-Walid al-Qurtubi, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, jil. 4, hlm. 73.

- Jalal al-Din Muhammad Ahmad al-Muhalla, Hasyiyah al-Muhla Ala al-Minhaj, jil. 2, hlm. 286.
- Malik Bin Anas, Muwatto' Malik, Bab Jami' al-Qada' Wa Karahiyyatihi Min Kitab al-Qada No.1540.
- Muafiq al-Din Ibn Qudamah, al-Mughni, jil. 6, hlm. 585.
- Muhammad Bin Abi al-Fath al-Bu'li Abu Abdillah Syamsu al-Din, al-Matla' ala Alfadz al-Muqni', hlm. 255.
- Muhammad Bin Muhammad Bin Abd, al-Rahman al-Maliki, Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasor al-Syeikh Khalil, jil. 5, hlm. 41.
- Muhammad Bin Yussuf Bin Abi al-Qasim Bin Yusuf al-'Abdari al-Gharnati, al-Taj wa al-Iklil, jil. 5, hlm. 47.
- Muslim Bin al-Hajjaj al-Naisaburi, Sohih Muslim, bab Istihbab al-Wad'I Min al-Dain Min Kitab al-Musaqah, jil. 3, hlm. 1191,
- Sheikh Ahmad bin Abdullah al-Ja'fari, Ahkam al-I'sar fi al-Fiqh al-Islami Muqaranan bi Anzimati al-Mamlakah al-Arabiah al-Saudiyyah, (t.t.p): (t.n.p), (2006), hlm. 110.
- Uthman Bin Syato al-Bakri Abu Bakar, I'anah al-Talibin ala Hil Alfaz Fathi al-Mu'in, jil. 4, hlm. 63.

Senarai Rujukan

- [Al-Bahuti, Mansur bin Yunus, Kasysyaf al-Qina An Matan al-Iqna', Dar al-Fikr 1982. Jil 3, hlm. 186.](#)
- [Al-Bahuti, Mansur bin Yunus, Kasysyaf al-Qina An Matan al-Iqna', Dar al-Fikr 1982. Jil 5, hlm. 1652.](#)
- [Al-Bakri, Abu Bakar, I'arah al-Talibin, jil. 2, hlm. 114.](#)
- [Al-Bakri, Abu Bakar, I'arah al-Talibin, jil. 4, hlm. 63.](#)
- [Al-Binayah Fi Syarh Al-Hidayah, jil. 8, hlm. 33.](#)
- [Al-Dardir, Al-Syarh al-Kabir, jil. 3, hlm. 265, 280,380.](#)
- [Al-Dasuki, Hasyiah al-Dasuki Ala al-Syarh al-Kabir, jil. 3, hlm. 263-265, 278.](#)
- [Al-Inayah Syarh Al-Hidayah, jil. 6, hlm. 379.](#)
- [Al-Mawardi, Al-Hawi al-Kabir, jil. 6, hlm. 332.](#)
- [Al-Mardawi, Al-Insaf, jil. 13, hlm. 234.](#)
- [Al-Mardawi, Al-Insaf, jil. 24, hlm. 299.](#)
- [Al-Matla' ala Alfadz al-Muqni', hlm. 255.](#)
- [Al-Misbah al-Munir, hlm. 155.](#)
- [Al-Muwaq, Muhammad bin Yusuf, Al-Taj wa al-Iklil, jil. 5, hlm. 48.](#)
- [Al-Syarbini, Mughni al-Muhtaj, jil 2, hlm. 146,147,155.](#)
- [Al-Syaukani, Al-Sail al-Jarar, jil. 1, hlm. 244.](#)
- [Dr Abdul Bari Misy'al, Qadaya Jadalyyah Fi al-Tamwil al-Islami, Kertas kerja dibentangkan di Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa, pada 22052014.](#)
- [http://www.insolvency.gov.my/ms/about-us/core-business/core-business/personal-bankruptcy.](http://www.insolvency.gov.my/ms/about-us/core-business/core-business/personal-bankruptcy)
- [Diakses pada 26052016.](#)
- [http://www.investopedia.com/terms/i/insolvency.asp?layout=infini&v=5B&adtest=5B&ato=3000.](http://www.investopedia.com/terms/i/insolvency.asp?layout=infini&v=5B&adtest=5B&ato=3000)
- [Diakses 27052016.](#)
- [Ibn 'Abidin, Rad al-Muhtar, jil. 4, hlm. 318, 370.](#)
- [Ibn 'Abidin, Rad al-Muhtar, jil. 5, hlm. 381, 485.](#)
- [Ibn Al-Rushd, Bidayat al-Mujtahid, jil. 4, hlm. 73.](#)
- [Ibn Farhun, Tabsirat al-Hukkam, jil. 2, hlm. 235](#)
- [Ibn Manzur, Lisan al-Arab, jil. 4 hlm. 563.](#)
- [Ibn Qayyim, Al-Turuq al-Hukmiyah, hlm. 72.](#)
- [Ibn Qudamah, Al-Mughni, jil. 6, hlm. 585.](#)
- [Ibn Qudamah, Al-Syarh Al-Kabir, jil. 13, hlm. 227.](#)
- [Keputusan Qarar Majmak Fiqhi, Keputusan No.186 \(1/20\), Perkara Hukum Insolvensi \(Kesempitan Wang\) dan Bankrap dalam Shariah Islam & Undang-undang Kontemporari.](#)
- [Mausu'ah Fiqhiyyah Kuwaitiyyah, Juz 5, hlm. 246. Carian perkataan i'sar.](#)

[Multaqā Ulama al-Syariah, Anjuran Bank Rakyat, 30-31 Oktober 2016, Hotel Sama-Sama, Sepang.](#)

[Parameter Tawarruq BNM, Dikeluarkan 17 November 2015.](#)

[Qarar al- Majma' al-Fiqhi Rabitah , persidangan ke 18, 10-14/03/1427 H, bersamaan 8-12/4/2006](#)

[Sahih Bukhari di dalam bab Li Sahib al-Haq Maqal dari kitab al-Istiqrad, jil. 3, hlm. 155.](#)

[Sahih Muslim di dalam bab Istihbab al-Wad'i Min al-Dayn Min Kitab al-Musaqah, jil. 3, hlm. 1191.](#)

[Sunan Al-Nasa'I Di dalam bab Mutil al-Ghani Min Kitab al-Buyu' al-Mujtaba, jil. 7, hlm. 278.](#)

[Sunan Abu Daud di dalam bab Al-Habs Bi al-Dayn Wa Ghairuhu Min Kitab al-Aqdhiyah, jil. 2, hlm. 282.](#)

[Sunan Ahmad di dalam Musnad, jil. 4, hlm. 388.](#)

[Sunan Ibn Majah di dalam bab Al-Habs Fi al-Dain Dayn Min Kitab al-Sadaqat, jil. 2, hlm. 811.](#)

[Syarh Fath al-Qadir, jil. 6, hlm. 377.](#)

[Syeikh Abdullah bin Al-Mani', Hukm Qalb al-Dayn 'Ala al-Madin, 4th Fiqh Conference for Islamic Financial Institutions, Kuwait, Crown Plaza Hotel, 21-22 Disember 2011, hlm. 227.](#)

[Sheikh Ahmad bin Abdullah al-Ja'fari, Ahkam al-I'sar Fi al-Fiqh al-Islami Muqaranan Bi Anzimati al-Mamlakah al-Arabiah al-Saudiyyah, Majallah al Adl, bil. 27, Rejab 1426 H, 110, 118, 119.](#)

[Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah, Al-Hisbah, hlm. 21](#)

[Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah, Majmu' al-Fatawa, jil. 28, hlm. 73.](#)

[Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah, Majmu' al-Fatawa, jil. 29, hlm 419.](#)

[Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah, Majmu' al-Fatawa, jil. 29, hlm 438.](#)

[Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah, Mukhtasar al-Fatawa al-Misriyyah, 1/309. <http://islamport.com/w/tym/Web/2299/309.htm>.](#)

[Syeikh Dr. Nazih Hamad, Qalb al-Dayn Suwaruhu Wa Ahkamuhu Wa Badai'luhu al-Syar'iyyah, 4th Fiqh Conference for Islamic Financial Institutions, Hotel Crown Plaza, Kuwait, 21-22 Disember 2011.](#)

[Syeikh Hussein Hamid Hasan, Qalb al-Dayn, Multaqā Ulama al-Syariah al-Dauli, Hotel Sama Sama, Sepang, 30-31 Oktober 2015.](#)

[Syeikh Yusuf al-Syubaily, ditemuramah oleh penulis di Hotel Dar al-Iman Intercontinental, Madinah al-Munawwarah, 4 Mei 2016.](#)

Appendix 1

بشأن فسخ الدين في الدين

فإن مجلس المجمع الفقهي الإسلامي برابطة العالم الإسلامي في دورته الثامنة عشرة المنعقدة بمكة المكرمة في الفترة من 10-14/3/1427 هـ الذي يوافق 8-12/4/2006م قد نظر في موضوع: (فسخ الدين في الدين-).

وبعد الاطلاع على قرار المجمع بشأن موضوع بيع الدين في دورته السادسة عشرة المنعقدة في مكة المكرمة في المدة من 21-26/10/1422 هـ الذي يوافق 5-10/1/2002م والذي جاء فيه ما نصه [ثانياً : من صور بيع الدين غير الجائزة : أ. بيع الدين للمدين بثمن مؤجل أكثر من مقدار الدين ؛ لأنه صورة من صور الربا، وهو ممنوع شرعاً، وهو ما يطلق عليه (جدولة الدين)].

✚

وبعد الاستماع إلى البحوث المقدمة، والمناقشات المستفيضة والتأمل والنظر في الصور التي ذكرت في البحوث والمناقشات في موضوع : (فسخ الدين في الدين) أو مايسميه بعض أهل العلم (قلب الدين) قرر المجمع ما يأتي : يعد من فسخ الدين في الدين الممنوع شرعاً كل ما يفضي إلى زيادة الدين على المدين مقابل الزيادة في الأجل أو يكون ذريعة إليه ويدخل في ذلك الصور الآتية :

1_ فسخ الدين في الدين عن طريق معاملة بين الدائن والمدين تنشأ بموجبها مديونية جديدة على المدين من أجل سداد المديونية الأولى كلها أو بعضها، ومن أمثلتها: شراء المدين سلعة من الدائن بثمن مؤجل ثم بيعها بثمن حال من أجل سداد الدين الأول كله أو بعضه .

فلا يجوز ذلك ما دامت المديونية الجديدة من أجل وفاء المديونية الأولى بشرط أو عرف أو مواطأة أو إجراء منظم ؛ وسواء في ذلك أكان المدين موسراً أم معسراً وسواء أكان الدين الأول حالاً أم مؤجلاً يراد تعجيل سداده من المديونية الجديدة، وسواء اتفق الدائن والمدين على ذلك في عقد المديونية الأول أم كان اتفاقاً بعد ذلك، وسواء أكان ذلك بطلب من الدائن أم بطلب من المدين. ويدخل في المنع ما لو كان إجراء تلك المعاملة بين المدين وطرف آخر غير الدائن إذا كان يترتب من الدائن نفسه أو ضمان منه للمدين من أجل وفاء مديونيته .

2_ بيع المدين للدائن سلعة موصوفة في الذمة من غير جنس الدين إلى أجل مقابل الدين الذي عليه، فإن كانت السلعة من جنس الدين فالمنع من باب أولى .

3_ بيع الدائن دينه الحال أو المؤجل بمنافع عين موصوفة في الذمة .

أما إن كانت بمنافع عين معينة فيجوز .

4_ بيع الدائن دين السلم عند حلول الأجل أو قبله للمدين بدين مؤجل سواءً أكان نقداً أم عرَضاً، فإن قبض البديل في مجلس العقد جاز. ويدخل في المنع جعل دين السلم رأس مال سلم جديد .

5_ أن يبيع الدائن في عقد السلم سلعة للمدين – المسلم إليه – مثل سلعته المسلم فيها مرابحة إلى أجل بثمن أكثر من ثمن السلعة المسلم فيها، مع شرط أن يعطيه السلعة التي باعها له سداداً لدين السلم .

وصلى الله على نبينا محمد وعلى آله وصحبه وسلم .

Appendix 2

قرار المجمع الفقهي التابع للرابطة

الحمد لله وحده، والصلاة والسلام على من لا نبي بعده، وعلى آله وصحبه وبعد :

فإن مجلس المجمع الفقهي الإسلامي برابطة العالم الإسلامي في دورته الثامنة عشرة المنعقدة بمكة المكرمة في الفترة من 10-14/3/1427 هـ الذي يوافق 8-12/4/2006م قد نظر في موضوع : (فسخ الدين في الدين).

✎

وبعد الاطلاع على قرار المجمع بشأن موضوع بيع الدين في دورته السادسة عشرة المنعقدة في مكة المكرمة في المدة من 21-26/10/1422 هـ الذي يوافق 5-10/1/2002م والذي جاء فيه ما نصه [ثانياً : من صور بيع الدين غير الجائزة : أ. بيع الدين للمدين بثمن مؤجل أكثر من مقدار الدين ؛ لأنه صورة من صور الربا، وهو ممنوع شرعاً، وهو ما يطلق عليه (جدولة الدين)].

✎

وبعد الاستماع إلى البحوث المقدمة، والمناقشات المستفيضة والتأمل والنظر في الصور التي ذكرت في البحوث والمناقشات في موضوع : (فسخ الدين في الدين) أو مايسميه بعض أهل العلم (قلب الدين) قرر المجمع ما يأتي : يعد من فسخ الدين في الدين الممنوع شرعاً كل ما يفضي إلى زيادة الدين على المدين مقابل الزيادة في الأجل أو يكون ذريعة إليه ويدخل في ذلك الصور الآتية:

1. فسخ الدين في الدين عن طريق معاملة بين الدائن والمدين تنشأ بموجبها مديونية جديدة على المدين من أجل سداد المديونية الأولى كلها أو بعضها، ومن أمثلتها: شراء المدين سلعة من الدائن بثمن مؤجل ثم بيعها بثمن حال من أجل سداد الدين الأول كله أو بعضه .

فلا يجوز ذلك ما دامت المديونية الجديدة من أجل وفاء المديونية الأولى بشرط أو عرف أو مواطأة أو إجراء منظم ؛ وسواء في ذلك أكان المدين موسراً أم معسراً وسواء أكان الدين الأول حالاً أم مؤجلاً يراد تعجيل سداه من المديونية الجديدة، وسواء اتفق الدائن والمدين على ذلك في عقد المديونية الأولى أم كان اتفاقاً بعد ذلك، وسواء أكان ذلك بطلب من الدائن أم بطلب من المدين. ويدخل في المنع ما لو كان إجراء تلك المعاملة بين المدين وطرف آخر غير الدائن إذا كان بترتيب من الدائن نفسه أو ضمان منه للمدين من أجل وفاء مديونيته .

2. بيع المدين للدائن سلعة موصوفة في الذمة من غير جنس الدين إلى أجل مقابل الدين الذي عليه، فإن كانت السلعة من جنس الدين فالمنع من باب أولى .

3. بيع الدائن دينه الحال أو المؤجل بمنافع عين موصوفة في الذمة .

أما إن كانت بمنافع عين معينة فيجوز .

4. بيع الدائن دين السلم عند حلول الأجل أو قبله للمدين بدين مؤجل سواءً أكان نقداً أم عرضاً، فإن قبض البديل في مجلس العقد جاز. ويدخل في المنع جعل دين السلم رأس مال سلم جديد .

5. أن يبيع الدائن في عقد السلم سلعة للمدين – المسلم إليه – مثل سلعته المسلم فيها مرابحة إلى أجل بثمن أكثر من ثمن السلعة المسلم فيها، مع شرط أن يعطيه السلعة التي باعها له سداداً لدين السلم .

وصلى الله على نبينا محمد وعلى آله وصحبه وسلم .

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد خاتم النبيين وعلى آله وصحبه أجمعين

قرار رقم 186 (20/1)

بشأن

أحكام الإعسار- والإفلاس في الشريعة الإسلامية والأنظمة المعاصرة

إن مجلس مجمع الفقه الإسلامي الدولي المنبثق عن منظمة التعاون الإسلامي في دورته العشرين المنعقدة في وهران (الجمهورية الجزائرية الديمقراطية الشعبية) خلال الفترة من 26 شوال إلى 2 من ذي القعدة 1433 هـ ، الموافق 13-18 سبتمبر (أيلول) 2012م ،

بعد اطلاعه على البحوث الواردة إلى المجمع بخصوص موضوع : أحكام الإعسار والإفلاس في الشريعة الإسلامية والأنظمة المعاصرة ، واستماعه إلى المناقشات التي دارت حوله ،

قرر ما يأتي :

أولاً : تعريف الإعسار والمدين المعسر

(1) مع مراعاة ما ورد في الفقرة (سابعاً) من قرار المجمع ذي الرقم: 64 (7/2) بشأن ضابط الإعسار الذي يوجب الإنظار ، فإن الإعسار هو : وصف عارض يلحق بالشخص يكون معه عاجزاً عن القيام بنفقاته الواجبة وسداد ديونه . والمعسر هو من لحق به هذا الوصف .

(2) ضابط الإفلاس : هو عدم كفاية أموال المدين لسداد ما عليه من ديون . والمفلس هو من اتصف به هذا الوصف .

ثانياً : أبرز الفروق بين الإعسار والإفلاس عند الفقهاء

(1) الإعسار قد يكون مسبقاً بحالة اليسار وقد لا يكون مسبقاً بها ، بخلاف الإفلاس فإنه لا يتحقق إلا إذا كان مسبقاً بحالة اليسار .

(2) يُحجر على المفلس ، أما المعسر فإنه يُنظر إلى حين ميسرة ، إذا أثبت إعساره بطرق معتبرة شرعاً ، لقوله تعالى : {وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ} (البقرة : 280) .

(3) لا يحكم القاضي بحبس المعسر متى ثبت إعساره ، أما المفلس فإنه قد يُحبس تعزيراً في حالة الاحتيال والتدليس أو الإهمال والتقصير .

(4) الإعسار قد يكون بدين أو حق شرعي كالنفقة ، بخلاف الإفلاس فلا يكون إلا بدين .

ثالثاً : أحكام الإفلاس في الفقه الإسلامي

(1) منع المفلس من التصرف في أمواله بما يضر الدائنين ، وهي التبرعات والمعاضات المالية ، والإقرار بالدين بعد شهر الإفلاس . ويكون منع المفلس من التصرف وإنهاؤه بحكم القاضي المختص .

(2) جواز منع المفلس من السفر ، إذا أدى السفر إلى ضرر ظاهر بحقوق الدائنين .

(3) سقوط آجال الديون المؤجلة التي على المفلس .

(4) قيام القاضي المختص ببيع أموال المفلس ، بما هو أصلح وأنفع للدائن والمدين وقسمة ثمنها ، وإذا ظهر للمفلس مال جديد جاز للدائنين مطالبته بالوفاء بالباقي من ديونهم .

(5) حق الدائن في استرداد عين ماله الذي يجده دون أن تتغير أوصافه ضمن أموال المفلس ، إذا لم يستوف ثمنه .

رابعاً : تغريم المدين الموسر المماطل

يؤكد المجمع على ما ورد في قراره السابق ذي الرقم 51(6/2) البند : ثالثاً ، بشأن البيع بالتقسيط من تحريم فرض غرامة على المدين الموسر المماطل ، مع جواز تحميله المصروفات القضائية .